

DEWAN ديوان بهاس BAHASA

MEMPERKAYA WAWASAN PEMBACA

Linguistik Forensik

 **MALAYSIA
MADANI**

 Dewan Bahasa DBP

 dewanbahasadbp

 @dewandbp

#MalaysiaMembaca

BIL. 11/2025

KR 495-61325-1125

ISSN 1511-9092



9 771511 909065





RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA MENDUKUNG CITA-CITA HENDAK:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan seluruh masyarakatnya;

Memelihara satu cara hidup demokratik;

Mencipta satu masyarakat adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

روكون نگارا

بہاواسان نگارا کیت ملیسیا مندوکوڠ جیتا ۲ ہندق:

منچاقاي قرقادوان یغ لبیہ ارت دالم کالغن سلوروہ مشارکتن;

مملہارا ساتو چارا ہیدوق دیموکراتیک:

منچیتنا ساتو مشارکت عادیل دمان کمعمورن نگارا اکن داقٹ دنعمتی برسام سچارا عادیل دان سقسام;

منجامین ساتو چارا لیبرل ترہادف ترادیسی ۲ کبودایائن یغ کای دان قلباگای چورق;

ممبینا ساتو مشارکت فروگریسیف یغ اکن مڠکوناکن ساءین س

دان تیکنولوگی مودن.

مک کامی، رعیت ملیسیا، براقرار اکن منومثوکن سلوروہ تناگ دان اوسہا کامی اونتوق منچاقاي جیتا ۲

ترسبوت برداسرکن اتس فرینسیف ۲ یغ برایکوت:

کشرچایان کغد توهن

کستیان کغد راج دان نگارا

کلوهورن قرقلمباگان

کدولتن اوندغ ۲

کسوقن دان کسوسیلان



DBP © Hak Cipta Dewan Bahasa dan Pustaka 2025

Hak cipta terpelihara. Mana-mana bahagian penerbitan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Dewan Bahasa diterbitkan setiap bulan sejak September 1957. Sidang editor berhak menyunting tulisan yang diterima selagi tidak mengubah isinya. Karya yang disiarkan tidak semestinya mencerminkan pendapat *Dewan Bahasa* atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Segala sumbangan yang dikirimkan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka haruslah bebas daripada sebarang isu hak cipta atau plagiat dan penulis bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang isu yang terkait dengannya. Karya yang dikirimkan juga sama ada disiarkan ataupun tidak, tidak akan dikembalikan. Jika karya tidak disiarkan dalam tempoh enam bulan selepas dihantar kepada editor, karya itu dianggap tidak akan disiarkan. Sidang editor tidak bertanggungjawab atas kehilangan tulisan atau karya yang dikirimkan melalui pos.

Apabila mengirimkan sebarang tulisan, sila catat nama sebenar (di samping nama pena, jika ada), nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan nombor akaun Bank Islam Malaysia Berhad (jika ada) untuk tujuan pendaftaran dan bayaran honorarium (sekiranya berjaya diterbitkan). Tanpa maklumat ini, tulisan yang dikirim kepada kami tidak akan disiarkan. Sila nyatakan sama ada makalah yang dihantar kepada *Dewan Bahasa* juga dihantar kepada penerbit lain ataupun tidak.

KETUA PENGARAH
Dr. Haji Hazami Jahari

TIMBALAN KETUA PENGARAH (OPERASI)
Zulfa Hamzah

PENGARAH PENERBITAN
M. Azahari Edin
(azahari@dbp.gov.my)

KETUA EDITOR
Dr. Rosmani Omar
(ros_omar@dbp.gov.my)

TIMBALAN KETUA EDITOR

Marsilawati Mohamad Rani
(marsila@dbp.gov.my)

Siti Norsuhaila Samsudin
(nsuhaila@dbp.gov.my)

EDITOR
Siti Zubaidah Sekak
(zubaidah@dbp.gov.my)

PENOLONG EDITOR
Nurul Ameera Muhamad Jefri
(ameera@dbp.gov.my)

PENTADBIRAN
Zanariah Husali,
Rafidah Ramli,
Uswatun Hasanah Mohamad Amin,
Mohd Haimee Abd Hamid

URUSAN LANGGANAN
Bahagian Pemasaran dan Pengedaran
Dewan Bahasa dan Pustaka,
Kompleks Dewan Bahasa dan Pustaka, Lot 1037, Jalan AU3/1,
54200 Ampang/Hulu Kelang, Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 03-4101 0033 No. Faks: 03-4101 2019
E-mel: pp@dbp.gov.my
<http://www.facebook.com/DBPNiaga> | <http://niaga.dbp.my>

**REKA BENTUK KULIT DAN
REKA LETAK HALAMAN**
Mohd Hasrul Nizam Sabani

DICETAK OLEH
Percetakan Haji Jantan Sdn. Bhd.
No. 12, Jalan 4/118c, Desa Tun Razak,
56000 Kuala Lumpur.
No. Telefon: 03-9173 1997 No. Faks: 03-9173 1835



3
BICARA BAHASA
Apabila Bahasa ke Kandang Saksi
Siti Zubaidah Sekak

4
AGENDA BAHASA
Linguistik Forensik:
Membongkar Rahsia Bahasa
dalam Dunia Siasatan
Aminnudin Saimon

Forensik Bahasa: Merungkai
Strategi di Sebalik Retorik
Norzana Razaly

16
DARIHAL BAHASA
Prestij Bahasa Kebangsaan
yang Kian Malap
Doreen Chong Ee

21
CUIT-CUIT BAHASA
Hasni Jamali

22
BAHASA DAN PERBUKUAN
Memasyarakatkan Ilmu,
Merakytakan Bahasa
Nik Hazlina Nik Hussain

28
BAHASA DAN FALSAFAH
Mengeluarkan "Hati" daripada
Kekeliruan Falsafah
Muhammad Sadiq Mohd Salihoddin

31
PEPATAH BAHASA
Nurul Ameera Muhamad Jefri

32
PUISI MODEN
Menyusun Isu Bahasa
Norumzi Ismail

Memaknakan Bahasa
Ja'afar Hamdan


33
PUISI TRADISIONAL
Gurindam Budi Bahasa
Adam Buck Lee

34
BAHASA DAN MEDIA
Evolusi Media Sosial:
Ancaman terhadap
Penggunaan Istilah
Nurul Jamilah Rosly

38
DARIHAL BAHASA
Peribahasa sebagai
Refleksi Kosmologi
Akal Budi Melayu-Jawa
Alauddin Sidal

44
BAHASA DAN SEJARAH
Mutiarra Javid Namah di Lautan
Bahasa Melayu
Noorilham Ismail

48
CAKNA BAHASA
Bahasa Slanga: Gangguan Bahasa
atau Estetika Bahasa?
Nur Amira Musa




52
CERPEN
Biarkan Bahasaku Terus Hidup
Ahmad Noh

56
BAHASA DAN BUDAYA
Bahasa Tubuh Digital:
Evolusi Kesantunan Bukan
Lisan Melayu
Arina Johari

60
BAHASA DAN TEKNOLOGI
Algoritma: Adakah Teknologi
Mengikis Keindahan Bahasa?
Nur Ain Syafika Zulkepli

64
ISTILAH BULAN INI



Evolusi Media Sosial

Ancaman terhadap Penggunaan Istilah



Media sosial hari ini menjadi medium komunikasi utama yang merentas sempadan usia, latar pendidikan dan budaya. Penggunaannya tidak lagi terhad untuk hiburan semata-mata, sebaliknya menjadi medan perbincangan, penyebaran maklumat dan perdebatan isu semasa. Namun begitu, perkembangan ini turut membawa cabaran besar terhadap ketulenan dan kelestarian bahasa Melayu itu sendiri. Perubahan cara

berbahasa dalam media sosial yang terlalu bebas dan tidak berpandukan norma linguistik menyebabkan berlakunya anjakan makna, pencemaran istilah dan penyalahgunaan konsep bahasa yang asal. Makalah ini akan mengupas tentang cabaran yang dihadapi bagi penggunaan bahasa Melayu yang disebabkan oleh evolusi media sosial.

Pergeseran Semantik

Ancaman yang berlaku terhadap bahasa Melayu sebagai pergeseran

semantik, iaitu perubahan makna asal bagi sesuatu perkataan apabila digunakan dalam konteks yang berlainan secara berterusan. Hal ini telah mempercepat proses perubahan makna dalam bahasa Melayu, terutamanya melalui manipulasi istilah oleh pengguna media sosial bagi menggambarkan situasi tertentu mengikut emosi dan persepsi masing-masing. Sebagai contoh, istilah "viral" yang asalnya merujuk penyakit berjangkit yang berpunca daripada virus, kini membawa makna sesuatu yang menjadi tular dan mendapat perhatian ramai di media sosial. Istilah ini digunakan sewenang-wenangnya tanpa merujuk maksud asal dan seterusnya mengubah fungsi semantiknya.

Begitu juga dengan istilah "komen". Dalam konteks asal, istilah "komen" bermaksud pendapat atau ulasan terhadap sesuatu perkara, terutamanya dalam penulisan atau perbincangan. Namun, dalam konteks media sosial, komen digunakan sebagai bentuk interaksi digital yang kadangkala berbentuk sindiran, kecaman atau provokasi. Penurunan tahap kesantunan berbahasa juga turut memberikan kesan terhadap makna istilah yang digunakan.

Begitu juga istilah "depresi" yang sepatutnya membawa konotasi penyakit mental yang serius, kini digunakan dengan longgar bagi merujuk kesedihan ringan atau tekanan harian. Hal ini bukan sahaja mencairkan makna sebenar, malah berpotensi menjejaskan kesedaran masyarakat tentang isu kesihatan mental. Antara istilah lain yang sering disalahgunakan termasuklah istilah "toksik" yang asalnya merujuk bahan kimia berbahaya. Kini, kata tersebut digunakan untuk menggambarkan sikap individu yang dianggap menyusahkan, negatif atau

Perluasan penggunaan istilah pinjaman daripada bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris yang digunakan dalam konteks istilah bahasa Melayu juga menjadi ancaman terhadap makna sebenar yang digunakan.

merosakkan suasana sosial. Istilah seperti ini apabila digunakan tanpa mengambil kira konteks yang betul akan menyebabkan kekeliruan makna dan menjejaskan kejelasan dalam komunikasi harian.

Selain itu, perluasan penggunaan istilah pinjaman daripada bahasa asing, terutamanya bahasa Inggeris yang digunakan dalam konteks istilah bahasa Melayu juga menjadi ancaman terhadap makna sebenar yang digunakan. Istilah pinjaman bahasa Inggeris yang popular seperti *ghosting*, *cringe*, *cancel*, *legend*, *trigger*, *insecure*, dan *overthinking* turut dipinjam secara terus daripada bahasa Inggeris dan digunakan secara bebas dalam perbualan seharian.

Kecenderungan ini menimbulkan beberapa implikasi serius terhadap ketulenan dan kestabilan sistem istilah dalam bahasa Melayu. Pertama, penggunaan istilah pinjaman secara langsung tanpa penyesuaian semantik atau morfologi akan menyebabkan pencairan makna istilah dalam bahasa sasaran. Sebagai contoh, *ghosting* dalam bahasa Inggeris membawa maksud tindakan memutuskan komunikasi secara tiba-tiba dan senyap, namun

apabila digunakan dalam bahasa Melayu, istilah ini sering kali digunakan dalam pelbagai konteks yang lebih umum tanpa kejelasan maksud sebenar. Begitu juga istilah *cringe* yang dalam konteks asal bermaksud rasa malu atau janggal yang kuat, tetapi digunakan secara longgar dalam perbualan tempatan sebagai ejekan atau sindiran.

Kedua, istilah seperti *cancel* dan *legend* bukan sahaja dipinjam, tetapi juga dimanipulasi secara fonologi seperti *legend* menjadi *lejen*, satu bentuk transliterasi yang tidak rasmi tetapi kini popular dalam kalangan pengguna muda. Hal ini menunjukkan bahawa perubahan bukan sahaja dari segi makna tetapi juga struktur bahasa itu sendiri, termasuklah fonetik dan ejaan. Perubahan ini akan merosakkan keutuhan sistem ejaan baku bahasa Melayu dan menyebabkan kekeliruan dalam pendidikan formal, khususnya dalam aspek pembelajaran kosa kata dan makna konvensional.

Ketiga, istilah seperti *trigger*, *insecure* dan *overthinking* yang mempunyai konotasi psikologi yang mendalam bagi bahasa Inggeris sering digunakan secara sembarangan tanpa kesedaran terhadap makna asalnya. Hal ini mengaburkan pemahaman terhadap istilah tersebut dalam konteks sebenar, terutamanya apabila istilah tersebut berkaitan dengan isu kesihatan mental. Penggunaan istilah ini secara tidak tepat dapat membawa kesan negatif, termasuklah memperlekehkan isu serius atau membina persepsi yang salah terhadap gangguan emosi dan psikologi. Akhirnya, fenomena ini dilihat sebagai suatu bentuk kolonisasi linguistik baharu apabila dominasi bahasa asing mulai menggugat keupayaan bahasa Melayu untuk berkembang secara autentik.

Faktor Ancaman terhadap Penggunaan Istilah dalam Media Sosial

Antara faktor yang mengancam penggunaan istilah dalam media sosial termasuklah sifat media sosial itu sendiri yang pantas, tidak ditapis dan berorientasikan kandungan sensasi yang mendorong ke arah penciptaan istilah baharu yang mudah tersebar dan diingati. Tanpa kawalan atau garis panduan rasmi, pengguna bebas mencipta, mengubah suai atau memetik istilah mengikut kefahaman sendiri. Akibatnya, istilah yang digunakan sering kali tidak menepati makna sebenar atau lebih parah lagi, membawa kepada salah faham dalam komunikasi.

Selain itu, wujudnya kekurangan literasi semantik dalam kalangan pengguna media sosial. Kebanyakan pengguna tidak mempunyai pengetahuan atau kesedaran tentang pentingnya memeriksa dan memahami makna sebenar sesuatu istilah sebelum menggunakannya. Mereka cenderung meniru istilah yang popular tanpa menyemak kesahihan makna atau konteks penggunaannya. Tindakan ini akan mewujudkan kitaran penggunaan istilah secara salah yang kemudiannya menjadi norma dalam masyarakat. Tambahan pula, terdapat pengaruh selebriti dan pempengaruh di media sosial yang turut mempercepatkan penularan istilah yang tidak tepat melalui kandungan mereka yang mendapat tontonan tinggi.

Ketiadaan satu rujukan istilah semasa yang mudah diakses menjadikan pengguna bergantung sepenuhnya kepada apa-apa yang ditawarkan oleh media sosial. Kamus tradisional tidak dapat menampung kelajuan perkembangan istilah baharu, dan hal ini membuka ruang

kepada tafsiran bebas. Oleh hal yang demikian, wujud keperluan untuk membina kamus digital kontemporari yang dinamik, responsif dan boleh dikemas kini secara berkala berdasarkan analisis linguistik dan penggunaan sebenar dalam media sosial.


Pengaruh budaya luar yang masuk tanpa tapisan nilai turut mengganggu keseimbangan istilah dalam bahasa Melayu. Penggunaan istilah dalam konteks budaya asal tidak semestinya sesuai dalam konteks masyarakat tempatan. Namun begitu, tanpa penyesuaian makna atau pendekatan terjemahan yang betul,

istilah itu terus digunakan secara langsung. Hal ini menimbulkan kekeliruan antara pengguna sebenar dengan pemahaman awam.

Usaha Mengatasi Ancaman terhadap Penggunaan Istilah Bahasa Melayu

Bagi menangani isu ini secara berkesan, satu pendekatan menyeluruh perlu dilaksanakan oleh semua pihak. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan utama dalam memperkasakan bahasa kebangsaan perlu memperhebat usaha pemantauan istilah dalam media sosial serta





menyediakan garis panduan penggunaannya. DBP juga boleh bekerjasama dengan pakar linguistik dan penganalisis media bagi membangunkan senarai istilah baharu berserta padanan makna dan contoh penggunaan yang sesuai.

Kedua, pendidikan literasi semantik digital perlu diperkenalkan dalam silibus di institusi pendidikan. Dengan adanya kesedaran terhadap isu makna dan konteks, pelajar dapat menilai dan menggunakan bahasa secara lebih kritis serta bertanggungjawab. Pendekatan ini penting bagi melatih pengguna muda supaya tidak sekadar meniru, tetapi memahami maksud sebenar istilah yang digunakan.

Pembangunan kamus digital semantik yang interaktif dan mesra pengguna perlu dijadikan keutamaan. Kamus ini bukan sahaja harus mengandungi makna tradisional dengan tambahan makna baharu yang telah berkembang dengan sokongan data daripada penggunaan sebenar dalam media sosial. Teknologi kecerdasan buatan dan pemprosesan bahasa semula jadi (NLP) boleh dimanfaatkan untuk mengesan perubahan semantik istilah secara automatik dan sistematik.

Selain itu, kajian linguistik berasaskan korpus digital dapat membantu mengenal pasti pola perubahan istilah serta menyumbang ke arah

penyusunan sistem pemantauan istilah secara berterusan. Usaha ini dapat menggabungkan kepakaran pelbagai bidang untuk menghasilkan garis panduan yang komprehensif dan kontekstual terhadap makna istilah dalam era digital. Korpus seperti ini boleh digabungkan dengan kamus digital semantik yang membolehkan pengguna memberikan maklum balas tentang istilah tertentu sama ada mereka memahami, bersetuju atau mengesyorkan istilah padanan yang lebih sesuai.

Dari sudut dasar awam dan polisi bahasa, pihak berkuasa seperti Kementerian Komunikasi perlu mengambil pendekatan yang inklusif dan progresif dalam usaha menangani isu penggunaan istilah ini. Bukan sekadar melarang penggunaan istilah asing, sebaliknya wujudkan pendekatan pemupukan makna dengan memberikan padanan semantik yang kreatif dan relevan. Begitu juga dalam konteks hiburan dan kandungan digital. Pempengaruh dan pencipta kandungan yang mempunyai jumlah pengikut yang tinggi boleh dijadikan rakan strategik dalam usaha menyebarkan maklumat tentang istilah yang tepat. Pendekatan yang berbentuk santai dan kreatif seperti animasi, video pendek atau kempen tanda pagar lebih mudah sampai kepada generasi muda berbanding dengan ceramah atau artikel rasmi semata-mata.

Sektor swasta juga harus dilibatkan secara proaktif dalam memelihara kemurnian istilah bahasa Melayu. Syarikat penerbit kandungan digital, penerbit media, serta platform

teknologi wajar bekerjasama dengan institusi bahasa bagi memastikan penggunaan istilah dalam kandungan mereka mematuhi piawaian bahasa yang ditetapkan. Kerjasama strategik ini dapat diwujudkan melalui pembangunan modul latihan bahasa untuk pencipta kandungan serta garis panduan penggunaan istilah yang sensitif terhadap nilai budaya dan semantik.

Di samping itu, kajian longitudinal tentang perubahan makna istilah juga perlu dilaksanakan secara berterusan. Kajian seperti ini dapat memberikan gambaran yang lebih holistik tentang arah aliran perubahan makna, faktor pemacunya, serta impaknya terhadap kefahaman pengguna dari pelbagai latar belakang. Hasil kajian ini seterusnya dapat dijadikan sumber rujukan penting dalam merangka dasar bahasa serta strategi pengayaan istilah yang lestari dan kontekstual.

Akhir sekali, penting untuk kita menyedari bahawa bahasa merupakan cerminan pemikiran bangsa. Apabila istilah dalam bahasa Melayu dirosakkan, diselewengkan atau mengancam maknanya, maka itu secara tidak langsung kita merosakkan struktur pemikiran, identiti dan kefahaman budaya bangsa sendiri. Hakikatnya, evolusi bahasa tidak dapat dielakkan, namun evolusi yang tidak terkawal akan menyebabkan kehilangan makna yang asal. Oleh sebab itu, keseimbangan perlu dicapai antara keterbukaan terhadap istilah baharu dengan kesetiaan terhadap sistem semantik bahasa ibunda. 

Dr. Nurul Jamilah Rosly ialah pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu, Kuliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.